

MCA sifatkan keputusan laksanakan Bahasa Inggeris serentak wajar

UM 17 JUN 2002

SEREMBAN 16 Jun — Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik menyifatkan keputusan kerajaan untuk melaksanakan mata pelajaran Sains dan Matematik secara serentak di sekolah rendah dan menengah dalam bahasa Inggeris pada tahun depan sebagai wajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa itu.

Katanya, beliau yakin rakyat akan bersetuju dan menyokong tindakan kerajaan itu untuk memastikan penguasaan semula bahasa tersebut kepada generasi pelajar.

“Ini kerana bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu dan lagi pun maklumat yang ada dalam Internet kebanyakannya dalam bahasa Inggeris,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan agung tahunan MCA Negeri Sembilan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad seperti dilaporkan oleh *Mingguan Malaysia* hari ini mengenai pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi dua

mata pelajaran itu di semua peringkat sekolah pada tahun depan.

Tegas Liong Sik, jika tindakan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris tersebut tidak diambil di peringkat sekolah rendah, dikhuatiri mereka akan ketinggalan dengan negara-negara luar.

“Itulah prinsipnya yang diambil oleh kerajaan dan bagaimana atau cara mana kita hendak buat. Kementerian Pendidikan boleh mengendalikannya,” ujar beliau.

Ditanya sama ada pelaksananya juga melibat-

kan sekolah dalam aliran bahasa Cina, katanya, beliau tidak begitu jelas mengenai perkara tersebut.

Terdahulu ketika berucap merasmikan persidangan itu, Liong Sik berkata, beliau berpuas hati dengan formula pelan damai bagi mengatasi krisis kepimpinan dalam MCA.

“Ia telah mencapai tahap yang begitu menggagalkan dan saya percaya hampir 99 peratus selesai dan hanya sedikit sahaja yang berlaku perselisihan dalam Pergerakan Pemuda,” katanya.